



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
7 FEBRUARI 2025 / 8 SYAABAN 1446H**

---

**PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG HARAM DISERBU**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) telah menjalankan satu Operasi Khas pada 6 Februari 2025 di sekitar Klang, Selangor dan Brickfields, Kuala Lumpur. Operasi yang bermula pada jam 3.45 petang melibatkan sepasukan pegawai dan anggota pelbagai pangkat dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya dan pegawai dari BNM serta dibantu oleh pegawai dari CyberSecurity Malaysia.

Berdasarkan maklumat awam dan risikan yang djalankan selama dua minggu, pasukan operasi telah diatur gerak ke tiga lokasi premis perniagaan di Klang dan berjaya menahan satu lelaki warganegara India yang dipercayai sebagai ‘dalang utama’, dua lelaki warganegara India dan dua perempuan warganegara Indonesia. Dalam satu lagi serbuan di sebuah premis kediaman sekitar Brickfields yang dipercayai menjadi pusat pengumpulan hasil pengendali perniagaan pengiriman wang haram, pasukan operasi berjaya menahan satu lelaki warganegara India yang dipercayai sebagai ‘ahli sindiket’ bersama empat lagi lelaki warganegara India. Kesemua mereka yang ditahan berusia antara 21 hingga 57 tahun. Jumlah keseluruhan yang ditahan adalah seramai 10 orang.

Semakan awal mendapati tiga lelaki warganegara India telah menyalahgunakan pas, dua lelaki warganegara India telah tinggal lebih masa, manakala tiga lelaki warganegara India dan dua perempuan warganegara Indonesia tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas yang sah untuk berada di negara ini

Hasil pemeriksaan terhadap semua premis tersebut, pasukan operasi telah merampas wang tunai berjumlah RM3,627,643.00, mata wang asing berjumlah Euro 1,400.00, Yuan 10,000.00 dan barang perhiasan yang dipercayai emas yang disyaki hasil aktiviti pengiriman wang haram.

Modus operandi sindiket adalah menawarkan perkhidmatan pengiriman wang tanpa lesen yang sah dan mensasarkan warganegara Indonesia dan India sebagai pelanggan. Sindiket ini menjalankan kegiatan mereka di sebalik kedai runcit dan kedai makan bagi mengaburi pihak berkuasa. Sindiket ini dipercayai menerima RM15,000 hingga RM60,000 sehari dan boleh mencecah sehingga RM110,000 pada musim perayaan. Wang ini akan dihantar ke luar negara terutama negara Indonesia dan India. Sindiket tersebut dipercayai menggunakan barang kemas yang dibawa ke luar negara sebagai proses penghantaran kiriman wang haram tersebut, tanpa melalui lingkungan sistem perbankan atau syarikat kewangan rasmi. Sindiket telah beroperasi selama satu tahun.

Dua lelaki warganegara India ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Sek.15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, tiga lelaki warganegara India dan dua perempuan warganegara Indonesia ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Sek.6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, manakala tiga lagi lelaki warganegara India ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Per.39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Warganegara asing ini juga akan disiasat oleh pihak BNM kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Sek.4(1) Akta Perkhidmatan Perniagaan Wang 2011 dan Sek.4(1) Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001. Kesemua warganegara asing yang ditahan dibawa ke Depot Imigresen Semenyih untuk tindakan lanjut.

Jabatan akan meneruskan tindakan tegas bagi membanteras apa jua aktiviti yang melanggar undang-undang negara ini agar kestabilan dan kemakmuran negara Malaysia berada di dalam keadaan yang aman dan sejahtera.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN  
KETUA PENGARAH IMIGRESEN  
MALAYSIA**